

05 SEP 1997

Umno-Retorik (Analisis Berita)

RETORIK MASIH DIGEMARI DALAM PERBAHASAN UMNO

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Disebabkan kesuntukan masa, para anggota perwakilan Perhimpunan Agung Umno yang bermula di sini hari ini hanya diberikan 15 minit setiap seorang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tetapi jika masa yang singkat itu diharap boleh membuatkan perwakilan menggunakan sepenuhnya untuk berucap dengan lebih "berisi", ia tidak berlaku. Sekurang-kurangnya belum lagi.

Perdana Menteri dan presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian perhimpunan agung parti politik terbesar negara itu telah menasihati anggota-anggota Umno supaya mewujudkan satu budaya baru Melayu selaras dengan kemajuan dan pembangunan dunia modern.

Jika diukur daripada gaya perbahasan kebanyakan perwakilan tahun ini, seperti juga yang lepas-lepas, sukar untuk dilihat sebarang kelainan yang lebih positif.

Kebanyakan mereka membuang masa dengan mencurahkan pujian yang terlalu tinggi terhadap para pemimpin parti malah sehingga ke tahap mendewa-dewakan mereka.

Dr Mahathir sendiri telah banyak kali sebelum ini memberitahu anggota-anggota parti supaya tidak memuji beliau terlalu tinggi dan menurut pegawai-pegawai Perdana Menteri, beliau secara peribadi tidak suka dipuji.

Sebagai seorang yang beragama Islam, puji-pujian hanya untuk Allah yang maha besar, katanya.

Hari ini seorang anggota perwakilan malah menggelarnya "Maharaja Idea".

Hampir tiada seorangpun pada hari pertama perhimpunan tiga hari itu bersedia untuk membahaskan realiti getir yang dihadapi negara hari ini -- misalnya, kemerosotan ekonomi Malaysia sejak beberapa minggu lepas berikutan kejatuhan nilai ringgit dan harga saham.

"Masih terlalu banyak retorik dan pujian-pujian yang dicurahkan kepada para pemimpin, seperti tahun-tahun sebelum ini. Mereka sepatutnya beralih kepada asas yang lebih kukuh untuk membahaskan isu-isu yang lebih substantif," kata seorang ketua Bahagian.

"Tiada salahnya untuk berjenaka menghidupkan suasana perbahasan tetapi kadangkala ia terlalu banyak dan ini membazirkan masa yang sepatutnya boleh ditumpukan kepada perbahasan yang lebih bermutu," katanya.

"Kalau mahukan pendapat saya secara terus terang, saya boleh katakan bahawa banyak perwakilan tidak membuat penyelidikan," kata seorang pemerhati.

Walaupun peluang untuk dipilih berucap di hadapan pentas pada perhimpunan agung parti sukar diperolehi -- dan dalam proses itu mungkin boleh mempamerkan bakat dan gaya mereka sebagai pemedato -- banyak yang dilihat tidak mengambil serius "penghormatan" ini.

Dr Mahathir dalam ucapan perasmianya hari ini seperti yang telah beberapa kali dibuatnya, menggesa anggota-anggota Umno supaya berani menunjukkan contoh yang baik, jika tidak bangsa Melayu akan terus ketinggalan, mundur dan menjadi sasaran momokan serta cemuhan.

Para pemimpin Umno tentunya memerlukan cadangan-cadangan baru malah kritikan yang membina daripada para anggota perwakilan sebagai mewakili peringkat bawahan parti dalam usaha menangani masalah parti dan negara.

Tetapi seorang "veteran" ke perhimpunan agung, Datuk Badruddin Amiruldin dari Kedah berbeza dalam hal ini.

Sebagai lazimnya berucap dalam loghat Kedah yang pekat, beliau akan

mengemukakan pelbagai idea baru setiap tahun dan tidak teragak-agak mengkritik dasar-dasar parti serta kerajaan.

Hari ini, beliau memberitahu perhimpunan itu bahawa kerajaan Malaysia dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi, terlalu banyak mengambil langkah ad-hoc atau sementara.

Satu lagi "imej buruk" bagi negara ialah Perdana Menteri sendiri perlu menangani perkara-perkara remeh seperti membuang sampah di tempat awam, katanya.

"Apa yang dibuat oleh orang lain?" tanya Badruddin yang mengaitkan perkara ini dengan satu cerita mengenai seorang Arab, Cina dan Melayu semasa menghadapi masalah sebuah kapal yang akan tenggelam.

"Orang Arab itu berkata lebih baik selamatkan penumpang wanita yang ada, sementara orang Cina pula berkata dia mahu menyelamatkan barang-barang kemas. Saudara mahu tahu apa yang dikatakan oleh orang Melayu itu dalam masa tiga minit sebelum kapal tenggelam...saya hendak tubuhkan jawatankuasa dulu..." kata Badruddin disambut deraian ketawa 1,905 perwakilan ke perhimpunan itu.

Tetapi beberapa pemerhati berkata suasana yang agak suram pada perhimpunan tahun ini mungkin berpunca daripada kejatuhan teruk pasaran saham memandangkan banyak anggota perwakilan merupakan orang korporat atau yang ada kaitan dengannya.

"Profil perwakilan Umno sejak tahun-tahun kebelakangan ini telah berubah. Tidak ramai lagi guru-guru dan kakitangan awam, suasana pasaran saham itu terbawa-bawa ke perhimpunan ini," kata mereka.

Menurut seorang daripada mereka, semasa beliau makan tengah hari bersama tujuh lagi anggota perwakilan, sesama mereka telah kerugian RM30 juta berikutan kejatuhan pasaran saham.

Apapun alasannya, para perwakilan Umno tidak akan mengecewakan jika mereka seperti presiden parti, bersikap berterus terang. -- BERNAMA

AU RON